


**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA****PEJABAT DAERAH DAN TANAH REMBAU
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta Sijil Taraf Bumiputra (STB) yang berdaftar dengan Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (BPKU) dalam gred / kelas dan kategori / pengkhususan / jenis pendaftaran / kod bidang yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi menyertai sebut harga kerja yang berikut:

NO. SEBUT HARGA	PERKARA	GREDE/ KATEGORI/ KOD BIDANG	HARGA DOKUMEN	TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK	TEMPAT DAN TARIKH PEMBELIAN DOKUMEN	TARIKH AKHIR PENGHANTARAN DOKUMEN
PDR.54/2020	PENYENGGARAAN JALAN DAN PEMBETUNG DI KG MIKU FASA 2 SERTA KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN	G2 CE01 (Pembinaan Jalan & Pavemen) & CE21 (Pembinaan Kejuruteraan Awam) (Negeri Sembilan)	RM50.00 (dalam bentuk Wang Tunai sahaja)	TIDAK DIWAJIBKAN	Kaunter Hasil Pejabat Daerah dan Tanah Rembau Kompleks Pentadbiran Daerah Rembau 71309 Rembau Negeri Sembilan Darul Khusus Tarikh : 17 Ogos 2020 (Isnin) hingga 21 Ogos 2020 (Jumaat) Masa : (Isnin – Khamis) 8.30 pagi – 12.30 tengah hari 2.30 petang – 3.15 petang (Jumaat) 8.30 pagi – 12.00 tengah hari	24 Ogos 2020 (Isnin) Sebelum atau pada Jam 12.00 tengah hari di Bahagian Pembangunan Pejabat Daerah dan Tanah Rembau Kompleks Pentadbiran Daerah Rembau 71309 Rembau Negeri Sembilan Darul Khusus

2. Untuk maksud ini kontraktor hendaklah membawa bersama Cop Syarikat dan **SALINAN ASAL** item yang berikut :
- Perakuan Pendaftaran Syarikat oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
 - Perakuan Pendaftaran Kontraktor (CIDB), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) oleh BPKU
 - Sijil Aakuan Pendaftaran Syarikat oleh Kementerian Kewangan Malaysia (jika berkaitan)
3. Lawatan Tapak **TIDAK DIWAJIBKAN** semasa dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Taklimat Sebut Harga boleh diperolehi di dalam laman web rasmi Pejabat Daerah dan Tanah Rembau di pautan <http://rembau.ns.gov.my/>
4. Kontraktor disarankan melawat sendiri tapak projek bagi mendapatkan maklumat lebih tepat untuk menyediakan tawaran sebut harga. Kontraktor hendaklah sentiasa mengambil perhatian dan mematuhi langkah-langkah pencegahan COVID-19 dan penjarakan sosial sepertimana yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara.
5. Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri dan ditulis No.Sebut Harga di bahagian atas sebelah kiri dan dimasukkan dalam Peti Sebut Harga dalam alamat di atas. Tawaran yang lewat tidak akan diterima.
6. Pentadbiran ini tidak terikat untuk menerima tawaran paling rendah atau sebarang sebut harga atau mengemukakan sebab-sebab sebut harga tersebut ditolak atau dibatalkan dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan sebut harga ini.
7. Adalah diingatkan bahawa kegagalan tuan/puan bagi mematuhi arahan-arahan tersebut boleh menyebabkan pertimbangan terhadap sebut harga tuan akan terjejas Pihak kontraktor adalah dilarang membuat sebarang pakatan harga/kartel dalam membuat tawaran.
8. Sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut boleh berhubung terus dengan dengan pejabat ini di talian 06-6851225 dari pukul 8.30 pagi hingga 5.00 petang.


(SITI AISYAH BINI NORDIN)
b.p. Pegawai Daerah Rembau
Pejabat Daerah dan Tanah Rembau

Tarikh: 10 Ogos 2020